

Headline	TH bayar zakat RM5.63j kepada PPZ-MAIWP		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	16 Apr 2015	Color	Black/white
Section	Setempat	Circulation	825,000
Page No	46	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	53 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,190
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,571



Putrajaya

TH bayar zakat RM5.63j kepada PPZ-MAIWP

Lembaga Tabung Haji (TH) menyerahkan zakat perniagaan bagi tahun kewangan berakhir 2014 berjumlah RM5.63 juta kepada Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP).

Majlis penyerahan zakat disampaikan Pengarah Urusan Kumpulan TH Tan Sri Ismee Ismail kepada Pengerusi PPZ-MAIWP Datuk Che Mat Che Ali.

Berdasarkan kenyataan dikeluarkan TH, pembayaran zakat bagi Wilayah Persekutuan mencatatkan peningkatan 11.6 peratus (RM584,480.04) berbanding 2013 iaitu RM5.04 juta.

Menurutnya, Wilayah Persekutuan adalah negeri kesembilan dalam siri jela-jah penyerahan zakat perniagaan TH pada tahun ini.

“Jumlah keseluruhan zakat perniagaan TH untuk tahun kewangan 2014 yang dibayar kepada pusat pungutan zakat di semua negeri di Malaysia adalah bernilai RM49.87 juta berbanding RM46.29 juta pada 2013,” katanya.